

Percepat proses capaian internet di pedalaman

Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan mempercepat penyediaan kemudahan capaian internet bagi pedalaman, tahun ini.

Menterinya, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata walaupun pelbagai inisiatif menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan, usaha penyediaan infrastruktur capaian internet harus dipercepat.

Beliau berkata, sasaran kementerian memastikan kira-kira empat peratus kawasan yang masih tiada capaian internet di Pantai Timur dan beberapa tempat lain di Semenanjung serta pedalaman Sabah dan Sarawak, mendapat kemudahan komunikasi itu.

“Kemudahan internet yang perlu disediakan hendaklah praktikal. Misalnya rumah panjang di Sarawak tidak sesuai untuk menggunakan gentian optik atau jalur lebar, tetapi sesuai dengan menggunakan satelit.

“(Di Sarawak) Saya beritahu MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia), kita perlu segera cadangkan, tentukan dan sediakan jenis satelit yang sesuai. Jangan tunggu cadangan itu datang sendiri,” katanya.

Saifuddin berkata demikian ketika menjadi tetamu jemputan program bual bicara Selamat Pagi Malaysia yang disiarkan di RTM 1, semalam.